

D130

U B740 BAH  
MAHATHIR - SIKAP

PULAU PINANG, 1 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA UMAT ISLAM MENGIKIS PEMIKIRAN KOLOT YANG MENGONGKONG KEGIATAN MEREKA Mencari kejayaan setanding dengan kedudukan penduduk bukan Islam.

BELIAU BERKATA, TERDAPAT GOLONGAN TERTENTU YANG MEMBERI GAMBARAN BAHAWA ISLAM SEBENARNYA LEBIH BAIK SEKIRANYA UMATNYA MUNDUR, MISKIN DAN BERPAKAIAN KOYAK RABAK SEDANGKAN MEREKA LUPA BAHAWA KEMISKINAN ITU HAMPIR KEPADA KEKUFURAN.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PERLETAKAN BATU ASAS BANGUNAN PEJABAT DAN PANGSAPURI MAJLIS AGAMA ISLAM PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI DI SINI, BELIAU BERKATA, KESAN DARIPADA ITU, UMAT ISLAM AKAN TERUS DIHINA DAN AGAMA ISLAM DITAFSIRKAN SEBAGAI PENGHALANG KEMAJUAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, UMAT ISLAM SEHARUSNYA BERTANYA PADA DIRI SENDIRI SAMA ADA MEREKA LEBIH SUKA HIDUP DALAM KEADAAN DAIF DI DALAM PONDOK-PONDOK KECIL ... KONONNYA MENGIKUT KEHENDAK ISLAM, SEDANGKAN BANGUNAN PENCAKAR LANGIT MENGELILINGI TEMPAT KEDIAMAN MEREKA.

KATANYA, MEREKA YANG TINGGAL DI BANGUNAN BERKENAAN AKAN MEMANDANG KE BAWAH DENGAN PERASAAN MENGHINA SEKIRANYA UMAT ISLAM TIDAK DAPAT MENGEJAR KEJAYAAN SEPERTI YANG DICAPAI OLEH MEREKA. -- LAGI

1941MST 01 12 89

U B741 BAH  
MAHATHIR - SIKAP 2 PULAU PINANG

MENGENAI PROJEK DI TANAH WAKAF SELUAS 0.2 HEKTAR ITU, BELIAU BERKATA, IA SEPATUTNYA DILAKSANAKAN LEBIH AWAL KERANA DAHULU MUNGKIN UMAT ISLAM MASIH WAS-WAS SAMA ADA TINDAKAN MEMAJUKAN TANAH ITU BERSEBUAHAN DENGAN KEHENDAK AGAMA.

BELIAU JUGA MEMINTA MASYARAKAT ISLAM BERHATI-HATI TERHADAP GOLONGAN TERTENTU YANG MENJADIKAN AGAMA SEBAGAI ISU POLITIK SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN DIRI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA SEBARANG PROJEK YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MEMAJUKAN MASYARAKAT ISLAM TIDAK AKAN MENINDAS GOLONGAN BUKAN ISLAM.

PENGERUSI JAWATANKUASA PEMANDU PENYERTAAN BUMIPUTERA NEGERI, ENCIK ANWAR IBRAHIM BERKATA, BELIAU AKAN BERUSAHA SUPAYA BANGUNAN BERKENAAN, YANG DIJADUALKAN SETINGGI TUJUH TINGKAT, DITAMBAH KETINGGIANNYA MEMANDANGKAN KEDUDUKANNYA YANG STRATEGIK DI TENGAH-TENGAH BANDAR.

PROJEK BERKENAAN, TERLETAK DI JALAN MACALISTER BERHAMPIRAN KOMTAR DI SINI, AKAN MENGANDUNGI RUANG PEJABAT UNTUK BANK ISLAM DAN LAPAN UNIT PANGSAPURI KOS SEDERHANA. IA DIBIYAI BERSAMA OLEH BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD DAN MAJLIS AGAMA ISLAM PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI. -- BERNAMA

1943MST 01 12 89